

Usaha lahir graduan berkemahiran tinggi



Pada masa ini, banyak industri tempatan memerlukan pekerja mahir untuk keperluan kilang masing-masing. Namun, waktu ini, kemahiran pekerja mahir belum mencukupi dan mereka yang belajar bersungguh-sungguh sahaja boleh menggap kejayaan ke arah itu.

PROF. MADYA BASIR SAIBON
Pensyarah UniKL MSI

Oleh **ABD RAZAK OSMAN**
pengarang@utusan.com.my

BAGI memenuhi permintaan pihak industri, terutama tenaga pekerja mahir di Kedah dan Pulau Pinang, Universiti Kuala Lumpur - Malaysia Spanish Institute (UniKL MSI) di Kulim Hi-Tech Park, Kedah memperkenalkan satu kursus baharu kepada belia yang mementingkan kemahiran tinggi.

Kursus tersebut mendapat sambutan dalam kalangan golongan berkenaan apabila seramai 25 pelajar kumpulan pertama kini sedang mengikuti kursus Teknologi Kejuruteraan Elektronik Gunaan di universiti itu selama empat tahun bagi kursus peringkat ijazah.

Seorang tenaga pengajarnya, Prof. Madya Basir Saibon berkata, bagi kursus yang mula diperkenalkan pada 21 September 2016

itu, pelajar akan mendalami bidang elektronik peringkat tinggi.

"Pada masa ini, banyak industri tempatan memerlukan pekerja mahir untuk keperluan kilang masing-masing.

"Namun, waktu ini, jumlah pekerja mahir belum mencukupi dan hanya mereka yang belajar bersungguh-sungguh sahaja boleh menggap kejayaan itu," kata Basir ketika ditemui baru-baru ini.

Menurutnya, pusat pengajian berkenaan menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif terfokus kepada peralatan mengagajir yang canggih bernilai lebih RM5 juta.

Sementara itu, seorang pelajar jurusan berkenaan, Mohammad Ali Khan Mohd. Nawaz Khan, 24, dari Kulim berkata, dia gembira kerana berpeluang mempelajari ilmu kemahiran tersebut melalui kursus BET Applied Electronics di UniKL MSI.

"Saya begitu berminat dengan bidang teknologi seperti ini dan mahu menjadi seorang pekerja mahir bagi memenuhi permintaan industri di Kulim atau

pun di Pulau Pinang.

"Banyak kemudahan belajar secara teori dan praktikal disediakan di sini dan saya yakin tentang peluang masa depan dengan kemahiran yang diterapkan," tambah Mohammad Ali yang juga merupakan graduan dan lepasan Diploma Electromechanical Installation and Maintenance dari UniKL MSI.

Nur Iman Zahra Muhamad Arif, 20, dari Kepala Batas, Pulau Pinang pula berkata, adalah menjadi satu kerugian jika generasi muda tidak mempunyai ilmu kemahiran dalam bidang seperti ini bagi membolehkan mereka mendapat peluang pekerjaan di kilang Silterra, Infineon dan First Solar yang terletak di Kulim, Kedah.

"Permintaan industri terhadap pelajar lulusan ini sangat tinggi dan kita perlu merebut peluang itu.

"Banyak syarikat asing masih lagi menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerja mahir bagi keperluan kilang mereka. Saya perlu mempelajari ilmu kemahiran di UniKL MSI bagi merebut peluang itu," katanya.

Pendapat itu disokong rakanannya Fatimah Buang, 20, yang berpendapat dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah

negara maju, seseorang itu perlu berani menimba ilmu berkaitan teknologi ke tahap lebih mencabar.

"Kini sudah ada UniKL MSI yang sanggup memperkenalkan ilmu baharu itu untuk dipelajari oleh generasi muda, dan saya ingin mengambil peluang itu untuk belajar bersungguh-sungguh bagi memperbaiki diri dan keluarga.

"Jika generasi muda tidak ada kepakaran dalam ilmu seumpama ini, pihak pengurusan kilang akan menghadapi masalah untuk menjalankan operasi pengeluaran dengan sempurna," kata pelajar itu yang berasal dari Ampang, Selangor.

Wan Muhammad Arif Abdullah Mohd. Lupi, 21, dari Kuala Besut, Terengganu pula berkata, sesiapa sahaja mampu memiliki kerjaya hebat jika mempunyai cita-cita.

"Tujuan saya belajar di universiti ini adalah kerana minat dalam bidang teknologi sejak di bangku sekolah lagi.

"Di UniKL MSI ini, ada ramai tenaga pengajar berpengalaman dan harapan saya mereka dapat membantu saya mencapai cita-cita saya untuk menjadi seorang pekerja PCB Designer," kata Wan Muhammad Arif yang pernah belajar mengenai Asasi Sains dan Teknologi di Kolej Mara Kulim.

INFO

● Pengambilan ke UniKL MSI pada bulan Mei/Julai/September 2017 dan program yang ditawarkan adalah:


● Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) dalam:

- Mekanikal (Automotif).
- Mechatronics (Automotif).
- Pembuatan (Automotif).
- Reka Bentuk Mekanikal.
- Applied Electronics.

● Diploma Teknologi Kejuruteraan dalam:

- Pembangunan dan Reka Bentuk Mekanikal.
- Automated Regulation and Control.
- Electromechanical Installation and Maintenance.

● Permohonan boleh dibuat melalui www.admission.unikl.edu.my atau boleh datang ke gerai pameran UniKL di Pameran Pendidikan MARA, Dewan MBAS, Alor Star pada 1 dan 2 April 2017. Untuk keterangan lanjut hubungi 04-403 5200.



BASIR SAIBON (kiri) bersama pelajarannya, Wan Muhammad Arif Abdullah Mohamad Lupi, Fatimah Buang, Mohammad Ali Khan Mohd Nawaz Khan dan Nur Iman Zahra Muhamad Arif yang mengikuti Kursus BET Applied Electronics di UniKL MSI Kulim, Kedah. - UTUSAN/ABD RAZAK OSMAN



BASIR SAIBON (kiri) menunjukkan cara-cara menggunakan mesin kepada pelajarannya, Mohammad Ali Khan Mohd Nawaz Khan dan Nur Iman Zahra Muhamad Arif.